

PENTARBIAHAN MASYARAKAT BERASASKAN PENGAJARAN TAKMIR

Muhamad Haidir bin Zainuddin, Mohd Aderi bin Che Noh

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

haidir5045@gmail.com, aderi@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kertas konsep ini bertujuan membincangkan tentang kesan pentarbiahan kelas takmir yang dilaksanakan di masjid dan surau. Kelas takmir merupakan salah satu contoh pendidikan islam sepanjang hayat yang diadakan secara tidak formal. Ia bertujuan untuk memberikan pendidikan agama secara berterusan kepada masyarakat disamping sebagai usaha untuk membentuk masyarakat agar matlamat dan tujuan penciptaan manusia akan tercapai iaitu pengabdian secara syumul kepada Allah SWT. Namun pada masa mutakhir ini, begitu banyak cabaran dan mehnah yang dihadapi oleh masyarakat seperti ledakan globalisasi yang memberi kesan negatif, peningkatan masalah sosial yang menghimpit segenap lapis masyarakat, keruntuhan institusi kekeluargaan dan sebagainya. Bagaimana mungkin sebuah negara akan benar-benar maju jika pelaksananya iaitu masyarakat datang dari institusi kekeluargaan yang rapuh. Justeru, masyarakat perlu ditarbiahkan atau dididik dengan pengajaran ilmu-ilmu ukhrawi agar atas keimanan dapat dipasangkan dengan teguh seterusnya mampu menghadapi mehnah dan tribulasi yang sangat mencabar.

Kata kunci: *Kelas takmir, masyarakat, pengajaran*

PENGENALAN

Tamadun yang gemilang bermula dengan keilmuan yang dimiliki oleh masyarakat yang bertanggungjawab menggerakkan sistem negara seperti sosial, ekonomi dan politik Pendokong utama kepada usaha memantapkan dan menjana pembangunan sesebuah negara yang bersifat tekal dn berterusan adalah masyarakat yang berilmu pengetahuan (Syamsul et al 2005). Jika disingkap kegemilangan tamadun Islam antaranya Andalusia, aspek penting yang menyumbang kepada kegemilangan tersebut adalah aspek pembangunan insan yang menyeluruh, pemerkasaan identiti dan jati diri umat Islam melalui Tawhid (Khalif 2009). Manakala menurut Suroto (2015) pula masyarakat madani yaitu masyarakat yang mempunyai nilai-nilai kebijakan umum, yang disebut *al-khair*.

Berdasarkan kepada definisi masyarakat yang berilmu yang diberikan oleh ketiga-tiga penulis di atas, ketinggian ilmu, ketinggian budaya ilmu dan ketinggian akhlak adalah merupakan faktor utama dalam pentarbiahan masyarakat ke arah *khaira ummah* yang mana menurut Thohir (2014) ummah yang mampu membersihkan kekotoran masyarakat dengan tingkahlaku yang unggul. Ini bertepatan dengan matlamat Pendidikan Islam menurut Kamal (1988) iaitu Pendidikan Islam adalah bertujuan untuk pengabdian kepada Allah SWT sepermima tujuan manusia diciptakan. Penulis berpendapat pembentukan masyarakat melalui pendidikan perlu diperkasakan sama ada formal atau non formal kerana matlamat pendidikan didalam Islam itu sendiri adalah mendapat untuk keredhaan Allah di dunia dan Akhirat kelak.

Justeru, didalam kertas konsep ini, penulis akan membincangkan mengenai pengajian takmir dimana pengajian ini boleh ditafsirkan sebagai Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH), Pendidikan Bukan Formal (PBF) atau pendidikan luar persekolahan biasa atau tempoh persekolahan menurut Azhar, Fauzi, Zainudin & Othman (t.th). Ini kerana konsep pendidikan ini dilangsungkan secara berterusan dan para pelajarnya terdiri daripada golongan lepasan persekolahan. Disamping itu, PBF dijalankan mengikut kaedah dan kurikulum yang tersendiri. Namun, dalam perbincangan kertas ini, penulis akan menumpukan kepada pentarbiahan masyarakat berasaskan pengajian takmir iaitu contoh PISH.

LATAR BELAKANG

Ta'mir diambil daripada perkataan ‘*ammara yu’ammiru ta’miran wa ‘imaratan*. ‘Imarah bermaksud menghidupkan sesuatu tempat dan mengaktifkannya menurut tujuan ia dibangunkan (Shuhada & Ibnor 2014). Menurut Kamus Dewan (2002) takmir ialah usaha dan kegiatan menjadikan sesuatu makmur, gilang gemilang, giat dan digunakan sepenuhnya. Takmir masjid merujuk kepada usaha menjadikan masjid sebagai pusat pelbagai kegiatan agama.

Program kelas pengajian takmir ini telah bermula sejak tahun 1985 hasil daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia (JKI) pada tahun 1984 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada masa itu. Kumpulan sasar program ini adalah setiap lapisan masyarakat Islam yang menjadikan masjid dan surau sebagai pusat sumber bagi mendapatkan ilmu agama. Bilangan masjid dan surau di seluruh Negara yang terlibat dengan program takmir ini pada tahun 2017 adalah sebanyak 30,112 buah berbanding 6,376 buah pada tahun 2002 manakala seramai 3,964 orang guru takmir berbanding 2,806 orang pada tahun 2002 telah dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) / Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mengajar subjek agama iaitu tauhid, hadis, feqah, tafsir, sirah, akhlak dan tasawwuf pada masa yang telah ditentukan (JAKIM 2017).

Ilmu fardu ‘ain seperti tauhid, hadis, feqah, tafsir, sirah, akhlak dan tasawwuf adalah penting dalam pembentukan keimanan yang teguh, penghayatan dengan lebih mendalam terhadap Sunnah Rasulullah SAW, pemahaman yang mantap tentang kisah perjuangan Rasul dan Nabi dalam penyebaran dakwah dan acuan akhlak Rasulullah sebagai manusia terpuji dan rahmat ke sekalian alam. Justeru, pengajaran non-formal seperti pengajian takmir yang menekankan kepada enam (6) ilmu tersebut amat perlu disebar luas dan digabungjalin untuk disampaikan kepada masyarakat agar kefahaman fardu ‘ain mereka menjadi luas.

Objektif pengajian takmir adalah bagi menyediakan ilmu fardu ‘ain kepada setiap lapisan masyarakat agar amalan mengikut Al-Quran dan As-Sunnah dapat diperaktikkan bagi melahirkan sebaik-baik umat atau *khaira ummah*. Selain itu, sikap segelintir masyarakat yang mengambil jalan mudah dalam menuju jalan ke syurga dengan menyertai ajaran sesat perlu dibanteras dengan pemahaman ilmu mengenai ketuhanan agar masyarakat tidak terjebak dengan perkara-perkara yang merosakkan akidah. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-A’raf ayat 3 yang bermaksud:

“Ikutilah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya. Amat sedikitlah kamu mengambil

pelajaran (daripadanya)."

(Abdullah Basmeih 2000)

KEPENTINGAN TAKMIR DALAM PENTARBIAHAN MASYARAKAT

Penguasaan dan pemahaman ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah sangat penting kepada umat Islam kerana pembinaan sesuatu masyarakat atau tamadun adalah berpunca dari ilmu duniawi dan ukhrawi (Sidek Baba 2004). Ditambah pula dengan penggabungjalinan ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah yang menatijahkan manusia terpandu ke arah matlamat Pendidikan Islam iaitu mencari dan mendapat keredhaan Allah (Aderi 2014). Selain itu, pendidikan kepada masyarakat tidak dapat dielakkan dengan cabaran serta kesulitan berhubung dengan pengaruh sejarah, sosio-budaya, tahap pendidikan dan kerencaman corak hidup masyarakat (Ghafar & Badlisham 2012). Misalnya, tahap pendidikan dikalangan masyarakat yang pelbagai menuntut kaedah dan gaya penyampaian yang mampu menyentuh hati mereka untuk mengambil peduli apa yang disampaikan.

Pelbagai aspek dalam kemajmukan masyarakat ini boleh disimpulkan dengan situasi masyarakat di Malaysia. Kemajmukan masyarakat telah membentuk satu bentuk cabaran pendidikan yang perlu difahami dan ditangani secara hikmah dalam konteks pentarbiahan di Malaysia (Ghafar & Badlisham 2012). Menurut Alimuddin (t.th), pengetahuan asas 3M iaitu membaca, mengira dan menulis tidak cukup dengan keperluan pendidikan pada masa kini malah matlamat yang lebih penting iaitu melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan pelbagai kemahiran bagi menghadapi dunia yang penuh cabaran. Justeru, penulis berpandangan pendidikan pada hari ini harus bersifat holistik dan dinamik serta perlu seiring dengan ilmu duniawi dan ukhrawi agar produk modal insan yang terhasil kelak mampu mendepani kesan negatif globalisasi.

Selain itu, kaedah pendidikan yang sempurna mesti dipelajari daripada Al-Quran agar pentarbiahan seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang menusuk kalbu setiap anggota masyarakat seterusnya menatijahkan keunggulan masyarakat Islam di zaman Baginda. Menurut Abdul Rahman (1996) dan Abdullah Nasih Ulwan (2000), kaedah pengajaran menurut Kitabullah terbahagi kepada pendidikan menerusi peristiwa, cerita, nasihat serta siksaan dan ancaman. Kaedah pengajaran menerusi kaedah peristiwa seperti mana peristiwa Isra dan Mikraj yang difirmankan oleh Allah SWT didalam al-Quran surah al-Isra ayat pertama yang menggoncang keimanan umat Islam ketika itu kerana batasan akal fikiran yang tidak mampu membayangkan bagaimana Rasulullah SAW naik ke langit untuk menerima kewajiban solat lima waktu, bercerita mengenai keadaan syurga dan neraka serta mampu pergi ke Baitulmuqaddis di Palestin dan berada di Mekah keesokan subuh. Justeru, masyarakat perlu diperkuuhkan dengan ilmu akidah atau tauhid iaitu salah satu matapelajaran takmir yang menekankan kewajipan setiap Muslim beriman kepada perkara-perkara ghaib atau *sam'iyat*.

Selain itu, siksaan dan ancaman merupakan kaedah pengajaran yang mampu memberi kesan kepada masyarakat (Abdul Rahman, 1996). Misalnya didalam hadis Rasullah SAW bersabda: "*Perintahkan anak-anakmu bersembahyang ketika mereka berusia tujuh tahun dan pukullah mereka (jika tidak mahu) kalau mereka berusia sepuluh tahun*". Pengajaran dari hadis ini bahawa anak-anak perlu dididik dan diajak untuk sembahyang bersama ibu bapa dan hukuman untuk mendidik perlu diberikan supaya mereka menghayati kewajiban dan kepentingan suruhan yang paling utama ini.

Jika didalam skop yang lebih luas iaitu masyarakat, pendidikan menerusi siksaan dan ancaman seperti penerangan didalam ayat 65 surah Yasin yang bermaksud: “*Pada waktu itu Kami menteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan*”. Berdasarkan ayat ini, manusia tidak mampu berdolak-dalah apabila disoal kelak dan akan menerima ganjaran atau hukuman atas segala amalan yang dilakukan. Sehubungan itu, penulis berpendapat pengajaran takmir perlu mempunyai kaedah-kaedah pendidikan seperti peristiwa, cerita, nasihat serta siksaan dan ancaman agar masyarakat mampu menghayati dengan lebih mendalam apa yang disampaikan didalam kelas pengajaran takmir.

Penulis akan menerangkan kepentingan pengajian takmir seperti pembangunan modal insan, menangani isu semasa dikalangan masyarakat dan mengukuhkan asas ilmu yang telah dipelajari, dengan lebih terperinci.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Modal insan yang terbaik akan dibentuk dengan kaedah atau metodologi yang terpuji seperti para sahabat yang terbentuk dengan acuan pendidikan dan akhlak Rasulullah SAW. Pendidikan adalah pemangkin dalam proses menyuburkan potensi modal insan ke arah menghasilkan sumber tenaga manusia yang kompeten (Mustafa, Zahiah & Yusof 2010). Manusia telah diciptakan Allah sebagai makhluk yang dinamis, inovatif dan kreatif dalam mengharungi pelbagai rintangan dan cabaran dalam kehidupan. Umpamanya, ujian Allah terhadap hambanya seperti bencana kemarau, kemiskinan, kegawatan ekonomi dan sebagainya mendorong manusia bersifat proaktif menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Memetik kenyataan Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai modal insan ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) di Parlimen, 31 Mac 2006 iaitu:

“Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama.

Sarina & Faridah (2008)

Lihat apa yang terjadi kini kepada masyarakat di Malaysia apabila ada segelintir individu yang mengaku Muslim mempersoalkan penambahbaikan akta yang berkaitan dengan umat Islam. Kenapakah ini terjadi? Akta ini bertujuan untuk menjaga kemaslahatan ummah iaitu menjaga lima maqasid syariah iaitu agama, akal, keturunan, harta dan diri. Sehubungan itu, penulis berpandangan pembangunan modal insan perlu diperkuuhkan dengan keilmuan yang mantap agar

masyarakat yang terhasil dari pengajaran yang tidak formal ini mempunyai jati diri yang teguh dalam menghadapi kesan negatif dari globalisasi masa kini seperti liberalism, sekularisme, hedonism dan sebagainya.

MENANGANI ISU-ISU DIKALANGAN MASYARAKAT

Proses modenisasi dan industrialisasi telah membawa banyak perubahan dari aspek ekonomi dan sosial kepada masyarakat Negara ini khususnya masyarakat Islam (Aderi 2014). Antara kesan modenisasi dari aspek ekonomi ialah apabila kos hidup di bandar mahupun di luar bandar meningkat dan kuasa membeli yang kecil seperti kenaikan harga barang keperluan asas dan minyak petrol tidak ditampung dengan gaji atau upah yang setara dengannya. Ini akan menyebabkan masyarakat terpaksa mencari pendapatan alternatif bagi menampung ketidakcukupan tersebut dan lebih parah lagi apabila terpaksa merompak, mencuri dan jenayah lain. Apakah hikmah dan pengajaran yang boleh diambil oleh pihak-pihak berkenaan apabila seorang ibu dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan mencuri susu tepung bayi semata-mata tidak mampu untuk membelinya?

Budaya ketimuran dalam diri masyarakat semakin terhakis apabila kesan globalisasi memberi pengaruh yang sangat besar kepada mereka (Russel 1992). Masyarakat Islam telah dipengaruhi oleh kebebasan menikmati hiburan sehingga mereka ‘memuja’, ‘menghormati’, ‘meniru’ dan mengikuti perkembangan dunia hiburan yang berpengkalan di Barat (Mahanor 2017). Kecenderungan mereka dalam menghayati filem-filem romantik semata-mata membuatkan ramai yang hanyut dalam “fantasi cinta” dan jika dibiarkan berterusan akan mengakibatkan mereka tidak lagi meyakini kebenaran agama.

Justeru, penulis berpandangan pendidikan dapat menyelamatkan manusia dan menangani isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat. Ini kerana kerana pendidikan didalam Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah Rasul adalah untuk memberi panduan kepada manusia untuk gentar melakukan kemungkaran kepada Alah dan menghayati betapa pentingnya kehidupan ini mengikut jalan yang dirintis oleh Rasulullah SAW.

MEMPERKUKUHKAN ASAS ILMU AGAMA YANG TELAH DIPELAJARI

Pendidikan wajib dalam konteks Malaysia ialah pendidikan sekolah rendah dan menengah iaitu semua kanak-kanak wajib mengikutinya seperti yang diperuntukkan oleh Akta Pelajaran 1961. Sistem pendidikan ini merangkumi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau PT3, Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Manakala sijil Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) turut diperkenalkan bagi menilai pemahaman murid mengenai ilmu agama yang diajar. Bilangan pelajar KAFA pada tahun 2017 adalah seramai 761,838 orang manakala pelajar UPKK adalah seramai 197,623 orang (SIMPENI 2017). Justeru, jumlah pelajar seramai 959,461 orang yang mempelajari asas-asas ilmu agama dan pengajian takmir sebagai pembelajaran lanjutan kepada masyarakat.

Penulis berpandangan penyambungan atau pendidikan berterusan wajar dilaksanakan selepas sistem persekolahan “wajib” selesai agar pengukuhan kepada pelajaran terdahulu akan berlaku. Peningkatan keilmuan seiring dengan zaman terutamanya ilmu keagamaan penting bagi

menghadapi cabaran dan tribulasi globalisasi yang mempengaruhi segenap aspek kehidupan manusia. Ilmu mestilah sentiasa subur di benak fikiran masyarakat agar segala amalan akan dilaksanakan ditunjangi oleh ilmu yang hakiki.

CABARAN PENGAJIAN TAKMIR DALAM MASYARAKAT

Falsafah Pendidikan Islam menganggap bahawa setiap pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam adalah teras kepada pembangunan manusia seluruhnya. Walaupun manusia itu mempunyai pelbagai rencam pemikiran, tingkahlaku, dan tindakan, tidak dapat tidak mereka perlu mencari ilmu yang menepati Al-Quran dan As-sunnah agar pembangunan akhlak dan hidup sejalan dengan Islam. Penulis akan membincangkan cabaran pengajian takmir kepada masyarakat dengan lebih mendalam dalam aspek kesedaran masyarakat terhadap pengajian takmir, gaya penyampaian guru takmir dan kecanggihan teknologi dan media massa.

KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP PENGAJIAN TAKMIR

Kesan globalisasi kepada masyarakat Islam sangat besar sama ada positif atau negatif dan secara tidak langsung ia memberikan kesan kepada kesedaran masyarakat untuk menuntut ilmu. Menurut Engku (2008) faktor yang menyumbang kepada kelesuan masyarakat dalam menimba ilmu adalah kesibukan mencari rezeki untuk memenuhi keperluan sehingga meninggalkan kewajipan menuntut ilmu. Kesuntukan masa dalam menguruskan kehidupan sehari-hari juga menyebabkan pengajian takmir di masjid dan surau kurang mendapat sambutan daripada masyarakat (Maliki 2007). Selain itu, kepentingan ilmu agama yang disampaikan didalam kelas takmir dipandang remeh dek kerana kepentingan ilmu duniawi dilihat lebih menjamin kehidupan dan masa depan.

Menurut Sufean Hussin (1996) budaya ilmu boleh ditafsirkankan sebagai amalan dan perbuatan masyarakat yang memandang kepada kepentingan pemerolehan dan perkembangan ilmu pengetahuan berdasarkan kepercayaan bahawa ilmu dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat daripada mundur kepada maju. Masyarakat yang mempunyai budaya mementingkan pemerolehan ilmu dapat dilihat melalui penekanan terhadap dorongan atau motivasi, sikap dan minat untuk menguasai pelbagai bidang ilmu baik duniawi maupun ukhrawi.

Rasulullah SAW telah bersabda yang mana menerangkan kelebihan orang yang menuntut ilmu agar menjadi dorongan untuk menuntut ilmu seperti sabdanya:

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya: “Sesiapa yang menempuh satu jalan kerana mencari ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga.”

(al-Bukhari, Kitab Permata Buat Orang Yang Beriman, No. 10)

Justeru, seharusnya masyarakat berlumba-lumba untuk menuntut ilmu khususnya ilmu agama atas jaminan Rasulullah SAW dan merasakan betapa sukarnya kehidupan ini tanpa dipandu dengan ilmu yang telah diajar dan amalan yang ditunjukkan oleh Baginda.

Menurut Engku (2008), kesedaran masyarakat terhadap kelas pengajian takmir masih rendah. Justeru, penulis berpendapat masyarakat perlu disedarkan dengan kepentingan ilmu agama agar mereka memahami dan menghayati bahawa ilmu fardu ‘ain seperti ilmu faraid perlu dipelajari

dan difahami agar pengurusan harta pusaka dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Justeru, kesedaran masyarakat untuk menuntut ilmu dapat dicapai dengan galakan yang diberikan oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan untuk belajar terus menerus sepanjang hayat.

GAYA PENYAMPAIAN GURU

Seringkali kita lihat masjid dan surau akan sesak apabila penceramah selebriti hadir sehingga tempat letak kereta masjid penuh. Namun, keadaan yang berbeza apabila kehadiran jemaah ke masjid tampak lesu tanpa penceramah selebriti. Kemahiran yang berjaya menarik minat jemaah untuk terus kekal mendengar sesuatu pengajian ialah penggunaan unsur-unsur jenaka (Zaidi 2012). Menurut Shafei (2007), gaya penyampaian yang menarik akan menarik jemaah hadir ke masjid. Guru takmir terikat dengan teks kitab tanpa mengaitkan pengajaran dengan isu-isu yang berkaitan dan masyarakat kini mempunyai akses kepada pelbagai isu dalam dan luar Negara. Justeru, kesediaan guru dalam menjawab persoalan yang dilontarkan oleh jemaah mampu memberi kesan positif kepada kewibawaan guru tersebut.

Rasulullah SAW telah merakamkan penghargaannya kepada guru di dalam beberapa hadis diantaranya ialah yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, bermaksud “*Sesiapa yang mengajarkan sesuatu ilmu, maka ia mendapat pahala orang yang mengamalkan ilmu tersebut, pahalanya tidak kurang sedikitpun dan pahala orang tersebut.*” Di dalam hadis yang lain riwayat al-Imam at-Tirmizi, Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: “*Sesungguhnya Allah dan seluruh malaikat-Nya serta penghuni langit dan bumi, sehingga semut yang ada di dalam liangnya dan ikan yu, semuanya memohon kerahmatan ke atas orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.*”

Pada pendapat penulis, guru takmir perlu didedahkan dengan ilmu pengajaran yang berkesan seperti bersikap proaktif dalam mencari dan menambah maklumat-maklumat terkini melalui media massa dan media sosial. Sikap proaktif dan komited guru takmir dalam menghidupkan kelas pengajian dengan suasana ilmu yang baik serta hujah-hujah yang mantap akan dapat menghidupkan kelas takmir masyarakat. Kursus dan seminar yang berkaitan dengan gaya penyampaian yang berkesan juga perlu didedahkan kepada guru takmir agar mereka dapat menyampaikan pengajaran dengan kaedah yang tepat.

KECANGGIHAN TEKNOLOGI DAN MEDIA MASSA

Seperti yang kita ketahui, dengan perkembangan zaman maklumat ini, ia telah memberi ruang kepada kita untuk memperolehi pengetahuan secara mudah dan cepat. Segalanya hanya terletak di hujung jari sahaja (Alimudin, t.th). Menurut Altaf (1989), kini media massa seperti akhbar, televisyen, filem dan sebagainya menjalankan pengaruh yang tidak dielakkan ke atas fikiran manusia. Ia telah merampas pilihan manusia untuk memilih ilmu pengetahuan. Masyarakat mudah mendapat ilmu agama di media massa dan media sosial daripada pergi ke masjid dengan mengambil kira masa, jarak dan keselesaan di rumah. Kemudahan peralatan dan teknologi maklumat seperti telekomunikasi telah menyebabkan masyarakat lebih menggemari untuk menonton ceramah melalui saluran internet.

Medium perhubungan terkini seperti *whatsapp*, *Facebook*, *telegram*, *twitter* dan sebagainya telah memberikan maklumat yang sangat pantas kepada masyarakat dalam jumlah

pembaca yang ramai dan jarak yang jauh berbanding kaedah tradisional yang menumpukan kepada tempat dan jemaah yang khusus. Kelebihan medium perhubungan terkini misalnya kita dapat membaca banyak hadis pilihan dan tazkirah yang dikongsi di *whatsapp* dan *telegram*. Namun adakah hadis-hadis tersebut sahih, hasan atau lemah? Justeru, pengajaran secara bertalaqqi atau bersemuka merupakan satu kaedah yang paling tepat dan dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi berbanding masyarakat hanya mendapat dan membaca tanpa penerangan oleh guru.,

Seiring peredaran zaman dan kemajuan teknologi, penulis berpandangan ilmu mengenai teknologi maklumat perlu dikuasai dan diaplikasikan oleh para guru dalam pengajaran takmir seperti menggunakan slaid pembentangan yang menarik disamping tayangan video yang mengandungi pandangan ulama' dalam dan luar Negara mengenai topik yang disampaikan. Ini akan memberi impak positif kepada jemaah dimana mereka melihat guru takmir telah membuat kajian sebelum pengajaran, tidak hanya membaca dari kitab tanpa membawa pandangan sarjana lain.

KESIMPULAN

Pendidikan masyarakat menerusi pengajian takmir yang telah dilaksanakan hampir 32 tahun ini dilihat mempunyai impak kepada penghayatan agama masyarakat. Cabaran-cabaran dalam mentarbiahkan masyarakat dengan ilmu pengetahuan berasaskan Al-Quran dan Sunnah perlu dihadapi dan diselesaikan dengan metod yang bersesuaian agar objektif pembentukan *khaira ummah* dapat direalisasikan. Selain itu, konsep *wasatiyyah* yang diperkenalkan oleh pemerintah bertujuan membentuk masyarakat yang bersederhana (*ummatan wasatan*) dalam setiap tindakan.

Umat Rasulullah SAW adalah umat yang terbaik selama mana sentiasa berpandu kepada pedoman al-Quran dan Sunnah Nabawi. Masyarakat yang dibina dengan asas yang baik pasti membawa kepada kebaikan dan keamanan. Asas ilmu pengetahuan duniaawi dan ukhrawi yang teguh sudah tentu akan matatjahkan masyarakat yang bersedia menghadapai ancaman dan cabaran yang menghentam umat ketika ini dari sudut rohani, jasmani dan fahaman-fahaman yang menyeleweng.

Konsep ini telah lama difirmankan oleh Allah SWT dan diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan baginda yang menjadi ikutan setiap Muslim. Sehubungan itu, pendidikan bersumberkan Al-Quran dan Sunnah perlu terus disubur dan diperkasakan agar masyarakat dapat menjadikannya sebagai cara hidup (*way of life*) dalam sosial, politik dan ekonomi.

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Ghafar bin Don & Badlihisham Mohd.Nasir. 2012. *Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka*. Jurnal al-Hikmah 4 (2012): 15-22
- Abdullah Mohd Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2008. *Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam*. Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporari Jil. 1, 2008,7-21
- Kamus Dewan. 2002. Ed. baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mahanor Saleha. 2017. *Berpada-pada dalam Berhibur*. Jendela Pemikiran Ummah: Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan.

Mohd Aderi Che Noh. 2014. *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Awal Hijrah

Mohd. Azhar Abd. Hamid, Muhammed Fauzi Othman, Zainudin Hassan & Othman A. Kassim. (t.th). *Pendidikan Bukan Formal (Pbf) Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju Wawasan 2020*. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan Dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise

Mohd Zaidi bin Ramli. 2012. *Persepsi Khalayak Terhadap Penggunaan Jenaka Dalam Wacana Dakwah*: Universiti Kebangsaan Malaysia

Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Zahiah Haris @ Harith & Abdullah Yusof . 2010 Pembangunan Modal Insan Dan Tamadun Islam Dari Perspektif Pendidikan Guru. *Proceedings Of the 4th International Conference on Teacher Education*; Join Conference UPI&UPSI Bandung Indonesia, 8-10 November 2010

Panduan Program Takmir Masjid Surau Seluruh Malaysia. 2012. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Russel, B. 1992. *Dampak sains ke atas masyarakat*. Terj. Shaharir Mohd Zain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sidek Baba, 2004. Sains dan Teknologi: Tamadun Barat dan Cabaran Globalisasi. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan: Peranan Sains & Teknologi dalam Pembangunan Tamadun*. Melaka, 29 Mei – 3 Jun 2004.

Shuhadak Mahmud & Ibnor Azli Ibrahim 2014. Perlaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimaranan Masjid Di Negeri Sembilan .*Al-Hikmah* 6(2) 2014: 53-64

Sufean Hussin (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, Bil 27 [2008] 141-156

www.simpensi.islam.gov.my/simpenniv2/index.php